



AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

21 Disember 2022

SITUASI SEMASA

Pusat Pemindahan Sementara

Sehingga jam 4.00 petang, 21 Disember 2022, bilangan negeri yang terkesan banjir **kek** pada lima (5) di mana 19 daerah di negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor terjejas. Seramai 72510 orang mangsa daripada 20554 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 418 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Jumlah mangsa terkesan banjir menunjukkan **sedikit peningkatan** berbanding laporan jam 6.00 pagi di mana terdapat 72297 mangsa daripada 20346 KIR berlindung di 446 PPS seluruh negara.

Aras Air Sungai

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaporkan, sehingga jam 4.00 petang ini terdapat **10** sungai di mana bacaan air berada ditahap **bahaya** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sg. Keratong at Jalan Kota Bahagia, Rompin	Pahang
2	Sg. Lebir di Kg. Tualang, Kuala Krai	Kelantan
3	Rantau Panjang, Pasir Mas	
4	Sg Golok di Kg. Jambu (Kuala Jambu), Tumpat	
5	Sg. Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas	
6	Sg. Dungun di Jambatan Jerangau, Dungun	Terengganu
7	Sg. Telemong di Kuala Ping, Hulu Terengganu	
8	Sg. Kemaman di Rumah Pam Paya Paman, Kemaman	
9	Sg. Nerus di Kg. Jeram, Kuala Nerus	
10	Sg. Marang di Jambatan Pengkalan Berangan	

Selain itu, terdapat 15 sungai di mana bacaan air berada ditahap **amaran** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Long Teru, Miri	Sarawak
2	Sg. Muar di Buloh Kasap, Segamat	Johor
3	Sg. Pahang di Lubok Paku, Maran	Pahang
4	Sg. Pahang di Paloh Inai, Pekan	
5	Sg. Luit di Kg. Subuh, Maran	
6	Sg. Pahang di Lubuk Paku, Maran	
7	Sg. Kelantan di Kuala Krai, Kuala Krai	Kelantan
8	Kg. Jenob, Tanah Merah	
9	Sg. Golok di Kg. Jenob, Tanah Merah	
10	Sg. Lanas di Air Lanas	
11	Sg. Pergau di Jambatan Jerimbong, Kuala Balah	Terengganu
12	Sg. Telemong di Kuala Ping, Hulu Terengganu	
13	Sg. Nerus di Kg. Bukit, Setiu	
14	Sg. Nerus di Kg. Langkap, Setiu	Perak
15	Sg. Bidor di Changkat Jong, Hilir Perak	

Pada jam 2.00 petang 21 Disember 2022, Jabatan Pengairan dan Saliran melalui Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) telah mengemaskinikan notis kesiapsiagaan bagi membolehkan semua penduduk terutamanya di kawasan yang berisiko untuk berwaspada dengan sebarang kemungkinan berlakunya banjir kilat bagi tempoh 24 jam yang akan datang. Lokasi *hotspot* yang disenaraikan melibatkan 12 daerah dari tiga (3) buah negeri; Pahang (Bentong, Bera, Kuantan, Pekan & Rompin), Perak (Batang Padang, Hilir Perak & Muallim) dan Selangor (Hulu Selangor, Kuala Selangor, Petaling & Sepang).

Amaran & Ramalan Cuaca

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) melaporkan setakat jam 10.00 pagi, 21 Disember 2022, tiada kemas kini Amaran Hujan Berterusan (Bahaya) dikeluarkan. Amaran Hujan Berterusan yang sedang berkuat kuasa ialah kemaskini yang dikeluarkan pada jam 1.20 tengah hari, 20 Disember 2022. MET Malaysia meramalkan tiada hujan berterusan dijangka di utara Semenanjung dan hujan lebat berterusan dijangka tertumpu di Pahang dan Johor. Bermula 23 Disember 2022 hujan berterusan dijangka melanda barat Sarawak dan timur Sabah.

MET Malaysia pada jam 3 petang, 21 Disember 2022, telah mengeluarkan Ramalan Cuaca Signifikan dimana berdasarkan analisis model-model cuaca, luruan monsun yang sedang berlaku dijangka sehingga 25 Disember 2022 dan berpotensi membawa angin kencang, ombak besar serta hujan berterusan di negeri-negeri timur Semenanjung, Sabah & barat Sarawak serta di perairan Laut China Selatan.

Justeru itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan (Peringkat Buruk/Waspada) yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkuat kuasa sehingga 22 Disember 2022, negeri Sarawak berkuat kuasa pada 23-24 Disember 2022 manakala Sabah berkuat kuasa pada 23-26 Disember 2022. Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan sedang berkuat kuasa sehingga 25 Disember 2022.

Laporan Kejadian Bencana

Jabatan Kerja Raya (JKR) pada jam 2.00 petang telah melaporkan 94 lokasi terkesan kejadian banjir, 16 lokasi cerun runtuh, dua (2) lokasi jalan runtuh, lima (5) lokasi jalan mendap dan tiga (3) lokasi yang dimaklumkan terdapat kejadian jambatan rosak/ runtuh menjadikan jumlah keseluruhan adalah 120 lokasi.

Kejadian-kejadian ini telah berlaku di empat (4) lokasi di Kedah, satu (1) lokasi di Perak, satu (1) lokasi di Selangor, empat (4) lokasi di Negeri Sembilan, 38 lokasi di Kelantan, 65 lokasi di Terengganu, empat (4) lokasi di Pahang, dan tiga (3) di Johor yang melibatkan 48 jalan persekutuan dan 72 jalan negeri.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) melaporkan setakat 20 Disember 2022 jam 11.59 malam, tiada perubahan jumlah keseluruhan kejadian tanah runtuh di seluruh negara seperti yang telah direkodkan pada 19 Disember 2022 iaitu sebanyak 79 kejadian di Sabah (19), Sarawak (17), Selangor (13), Pahang (10), Terengganu (6), Negeri Sembilan (5), Perak (3), Melaka (2), Johor (2) dan Kelantan (2).

PENYELARASAN PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA (PKOB) PUSAT

Mesyuarat penyelarasan PKOB pusat yang diadakan setiap pagi menjadi platform untuk PKOB Negeri mengemukakan permasalahan di peringkat lapangan yang memerlukan tindakan segera .

PKOB Negeri Kelantan pagi ini memberi maklum bahawa sehingga jam 11 pagi ini proses pemindahan dan pendaftaran mangsa di PPS Jajahan Tumpat dan Pasir Mas sedang giat dijalankan. Sebanyak empat (4) buah bot *amphibious* daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), dua (2) daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan sebuah (1) daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diaturgerak bagi membantu proses pemindahan mangsa.

Gunasama logistik pelbagai agensi turut melibatkan aturgerak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang melibatkan *first responder* daripada Tentera Darat dan aturgerak aset bot. Terdapat juga kemudahan dapur medan yang boleh digunakan untuk penyediaan makanan di PPS sekiranya diperlukan.

Menurut pihak JPS, Pam Bergerak yang ditempatkan di Rumah Mampu Milik (RMM) Telok Kalong, Kemamam, Terengganu yang dipasang telah berfungsi dengan keupayaan yang maksima iaitu 140l/s @ 5 Cusec setiap satu. Kedua-dua pam beroperasi dengan sangat baik dan membantu mengalirkan air dengan laju ke *downstream* (alor Sg Ruang). Kedua-dua pam telah dihentikan sementara pada 21.12.2022 jam 9.00 pagi setelah air keadaan kembali normal. Namun pam berada di dalam keadaan bersiap sedia dan akan beroperasi kembali jika keadaan memerlukan.

Semua PKOB di negeri yang terjejas banjir diarahkan untuk mengenal pasti keperluan PPS alternatif untuk diaktifkan sekiranya PPS sedia ada hampir memenuhi kapasiti. Pengkalan hadapan juga perlu segera membuat penambahan stok untuk memastikan ketersediaannya apabila PPS baru diaktifkan.

Bagi kerosakan jalan raya akibat terkesan banjir, pihak JKR telah diminta untuk bekerjasama dengan konsesi lebuh raya dan pihak berkuasa tempatan untuk memasang penanda (*marking*) di lokasi yang telah dikenal pasti berlubang atau membahayakan.

Penyelarasan PKOB daerah dalam urusan pendaftaran dan pergerakan para sukarelawan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dilaporkan berjalan lancar. Penyelarasan ini penting bagi memastikan aspek keselamatan diutamakan dan bantuan yang ingin disampaikan adalah menyeluruh dan bukan hanya tertumpu pada kawasan tertentu sahaja.

NASIHAT DAN RUJUKAN MAKLUMAT BENCANA

Bagi mangsa yang memerlukan bantuan kecemasan diminta terus menghubungi talian **999** untuk tindakan lanjut pihak berkuasa. Bagi penduduk yang berada di kawasan terdedah kepada banjir sila patuh arahan pihak berkuasa dan berpindah awal sebelum keadaan menjadi bertambah buruk sesuai dengan amaran hujan berterusan peringkat bahaya oleh METMalaysia. Mohon pantau pergerakan keluarga di kawasan banjir bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku kepada keluarga masing-masing.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah memberi peringatan kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan hotspot tanah runtuh yang mengalami hujan lebat yang berterusan agar sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan waspada terhadap tanda-tanda berlakunya ancaman tanah runtuh di kawasan kediaman masing-masing.

Langkah kewaspadaan in perlu dikekalkan dalam tempoh 2 hingga 3 hari walaupun selepas hujan berterusan telah berhenti disebabkan keadaan tanah yang telah berlaku/mengalami peresapan air sebelumnya boleh mencetuskan terjadinya tanah runtuh terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam yang berkecerunan 25° ke atas.

Sebagai kesiapsiagaan menghadapi banjir, sila rujuk maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: [PublicInfoBanjir](#) dan twitter [@JPS InfoBanjir](#). Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi [myCuaca](#) di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Bagi mendapatkan info mengenai Pusat Pemindahan Sementara (PPS), orang ramai boleh muat turun aplikasi [InfoBencanaJKM](#) di Google Play dan App Store untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai PPS di seluruh negara.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka dengan amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan

pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR di talian [03-26107727](tel:03-26107727) atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> atau twitter [@CSFJ_JKR](https://twitter.com/CSFJ_JKR).

Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

MAKLUMAT TAMBAHAN



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

NOTIS KESIAPSIAGAAN KEMUNGKINAN BANJIR KILAT (DALAM TEMPOH 24 JAM)

Dikeluarkan pada 21 Disember 2022; 2:00 Pagi
Dikeluarkan oleh:
Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
No. Rujukan: *JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-21122022-0200*

Berdasarkan maklumat ramalan hujan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, sistem Southeastern Asia-Oceania Flash Flood Guidance System (SAOFFGS) dan model ramalan banjir JPS Malaysia, terdapat risiko kejadian banjir kilat di beberapa lokasi sekiranya hujan lebat/ribut petir yang signifikan berlaku. Berikut adalah senarai kawasan yang berisiko banjir kilat:

PRABN Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara

LOKASI 'HOTSPOT' YANG BERISIKO BANJIR KILAT		
Negeri	Daerah	Lokasi 'Hotspot' Yang Berisiko Banjir Kilat Di Kawasan Mukim Berikut:
Pahang	Bentong	Mukim Pelangai, Mukim Sabai serta kawasan sekitarnya
	Bera	Mukim Bera serta kawasan sekitarnya
	Kuantan	Bandar Kuantan, Mukim Kuala Kuantan, Mukim Sungai Karang serta kawasan sekitarnya
	Pekan	Mukim Pekan, Mukim Pulau Manis, Mukim Bebar serta kawasan sekitarnya
	Rompin	Mukim Rompin serta kawasan sekitarnya
Perak	Batang Padang	Mukim Sungkai serta kawasan sekitarnya
	Hilir Perak	Mukim Changkat Jong serta kawasan sekitarnya
	Mualim	Mukim Hulu Bernam Timor serta kawasan sekitarnya
Selangor	Hulu Selangor	Mukim Ulu Bernam serta kawasan sekitarnya
	Kuala Selangor	Pekan Bestari Jaya serta kawasan sekitarnya
	Petaling	Bandar Shah Alam, Pekan Sedang, Pekan Batu Tiga, Mukim Petaling serta kawasan sekitarnya
	Sepang	Mukim Dengkil serta kawasan sekitarnya

PRABN Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara

No. Rujukan: *JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-21122022-0200*

Notis kesiapsiagaan ini dikeluarkan bagi membolehkan semua penduduk terutamanya di kawasan yang berisiko untuk berwaspada dengan sebarang kemungkinan berlakunya banjir kilat bagi tempoh tersebut.

Sila patuhi arahan pihak berkuasa atau agensi-agensi pengurusan bencana banjir. Sila layari laman sesawang <https://publicinfobanjir.water.gov.my>, Facebook @PublicInfoBanjir dan Twitter @JPS_InfoBanjir untuk maklumat lanjut dari semasa ke semasa.

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN



RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN



Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruan monsun yang sedang berlaku dijangka sehingga 25 Disember 2022 dan berpotensi membawa angin kencang, ombak besar serta hujan berterusan di negeri-negeri timur Semenanjung, Sabah & barat Sarawak serta di perairan Laut China Selatan.

Justeru itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkuat kuasa sehingga 22 Disember 2022, negeri Sarawak berkuat kuasa pada 23 - 24 Disember 2022 manakala negeri Sabah berkuatkuasa pada 23 - 26 Disember 2022.

Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan sedang berkuat kuasa sehingga 25 Disember 2022.

Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web **www.met.gov.my** dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemas kini : 21 Disember 2022, pada 3.00 petang



Masa dikeluarkan:
3:00 petang; 21 Disember 2022

BURUK: Hujan lebat berterusan dijangka berlaku sehingga 22 Disember 2022

Terengganu (Hulu Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman) • Pahang (Kuantan, Pekan dan Rompin) • Johor (Kluang, Mersing, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru)

WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku sehingga 22 Disember 2022

Kelantan • Terengganu (Besut, Setiu, Kuala Nerus dan Kuala Terengganu) • Pahang (Jerantut dan Maran) • Johor (Segamat, Batu Pahat dan Pontian)

WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku 23 Disember 2022 – 24 Disember 2022

Sarawak: Kuching, Serian, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah, Miri (Subis, Beluru, Miri dan Marudi) dan Limbang

WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku 23 Disember 2022 – 26 Disember 2022

Sabah: Pedalaman (Sipitang, Kuala Penyu dan Beaufort), Pantai Barat, Sandakan (Telupid, Kinabatangan, Beluran dan Sandakan) dan Kudat • WP Labuan



JUMLAH
KESELURUHAN

120
LOKASI

JALAN PERSEKUTUAN

48

JALAN NEGERI

72

LAPORAN KEJADIAN BENCANA

21/12/2022 @ 2.00 PM



BANJIR
94



CERUN RUNTUH
16



JALAN RUNTUH
2



JALAN MENDAP
5



JAMBATAN
ROSAK/RUNTUH
3



<http://bencanaalam.jkr.gov.my>



03-2610 7727



@CSFJ_JKR